

Menangani Unsur Budaya Sosial dalam Penterjemahan al-Quran

[Dealing with Social Cultural Elements in The Translation of The Quran]

Noor Eliza Abdul Rahman,¹ Zulazhan Ab. Halim,^{2*} Mohd Fauzi Abdul Hamid,² Mohd Firdaus Yahaya² & Shaferul Hafes Sha'ari²

BITARA

Volume 6, Issue 2, 2023: 280-290
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 19 April 2023
Accepted: 9 May 2023
Published: 30 June 2023

1 Pusat Pengajian Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 2130000 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-mail: nooreliza@unisza.edu.my.

2 Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 2130000 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

*Corresponding Author: zulazhan@unisza.edu.my

Abstrak

Menterjemahkan teks asing yang mengandungi unsur budaya merupakan proses yang sukar kerana perbezaan yang wujud di antara budaya bahasa sumber dan bahasa sasaran. Setiap bangsa yang mempunyai bahasa sendiri turut memiliki budaya mereka yang tersendiri. Unsur budaya sememangnya memberi cabaran terbesar kepada penterjemah untuk menghasilkan terjemahan yang tepat lebih-lebih lagi dalam menterjemah ayat al-Quran yang mempunyai ciri-ciri bahasa yang unik serta pelbagai unsur-unsur budaya yang meliputi semua aspek kehidupan. Justeru penterjemahan al-Quran yang mengandungi unsur budaya haruslah dilakukan dengan teliti oleh penterjemah kerana al-Quran menjadi sumber rujukan utama umat Islam. Kertas kerja ini mengupas strategi atau teknik terjemahan yang digunakan dalam menterjemah perkataan yang mempunyai unsur budaya sosial dalam al-Quran. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi penterjemahan yang boleh diaplikasi dalam menangani unsur budaya sosial dalam al-Quran. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan analisis kandungan untuk mendapatkan data. Sebanyak lapan sampel dipilih untuk dianalisis berdasarkan strategi penterjemahan Newmark (1988). Dapatan kajian menunjukkan strategi penterjemahan yang digunakan untuk menangani unsur budaya sosial dalam al-Quran tidak terbatas kepada penterjemahan literal sahaja, tetapi strategi penterjemahan lain seperti peminjaman, padanan fungsian, padanan deskriptif, modulasi dan nota kaki turut diaplikasi.

Kata kunci: Unsur budaya, Terjemahan, al-Quran, Strategi Penterjemahan

Abstract

Translating foreign texts that encompass cultural aspects can pose a formidable challenge due to variations in cultural nuances. Each ethnic group, with its unique language, inherently possesses distinct cultural characteristics. The cultural dimension inevitably presents the most significant hurdle for translators, particularly when rendering interpretations of Quranic verses, which embody distinctive linguistic traits as well as cultural elements spanning every facet of life. Consequently, the translation of the Quran, containing cultural elements, demands meticulous attention from interpreters, given its status as the primary reference source for all Muslims. This paper expounds upon the strategies and techniques employed in translating words with socio-cultural implications in the Quran. The research aims to discern translation strategies applicable to addressing the socio-cultural aspects within the Quran. Employing a qualitative research design, this study utilizes content analysis to acquire data. Eight samples were selected for analysis, in accordance with Newmark's translation strategy (1988). The research findings underscore that strategies for handling socio-

cultural features extend beyond literal translation; encompassing techniques such as borrowing, functional matching, descriptive matching, modulation, and the use of footnotes.

Keywords: Cultural characteristics, Translation, al-Quran, Translation strategies.

Cite This Article:

Noor Eliza Abdul Rahman, Zulazhan Ab. Halim, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Mohd Firdaus Yahaya & Shaferul Hafes Sha'ari. (2023). Menangani Unsur Budaya Sosial dalam Penterjemahan al-Quran [Dealing with Social Cultural Elements in The Translation of The Quran]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(2): 280-290.

Pengenalan

Bahasa dan budaya merupakan dua elemen yang tidak dapat dipisahkan. Budaya yang menjadi lantaran tatacara kehidupan diungkapkan melalui bahasa (Arnida et al., 2018). Keakraban dua elemen ini juga dapat dilihat dalam proses penterjemahan yang bukan sekadar melibatkan aspek bahasa atau linguistik, malah turut melibatkan komunikasi lintas budaya.

Unsur budaya sememangnya memberi cabaran terbesar kepada penterjemah untuk menghasilkan terjemahan yang tepat lebih-lebih lagi dalam menterjemah ayat al-Quran yang mempunyai ciri-ciri bahasa yang unik serta pelbagai unsur-unsur budaya yang meliputi semua aspek kehidupan. Sekiranya sesuatu budaya bahasa sumber itu tidak diterjemahkan dengan betul ke dalam bahasa sasaran, unsur budaya tersebut tidak akan dapat difahami oleh pembaca sasaran. Pemilihan prosedur terjemahan yang sesuai amat penting bagi memastikan unsur budaya tersebut dapat difahami dengan jelas oleh pembaca sasaran.

Sehubungan itu, kertas ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur budaya sosial yang terdapat dalam al-Quran serta mengenal pasti prosedur penterjemahan yang digunakan dalam menangani unsur tersebut dalam terjemahan al-Quran.

Pengertian Budaya

Menurut Newmark (1988), budaya ditakrifkan sebagai satu cara hidup, amalan dan tradisi sesuatu bangsa dan masyarakat. Berdasarkan takrif ini, kita dapati bahawa budaya boleh dikatakan sebagai semua perkara yang bersangkutan dengan manusia dan kehidupan mereka di mana-mana tempat sekalipun. Maka ia meliputi pelbagai perkara dari segenap aspek kehidupan seperti makanan, tempat tinggal, cara berpakaian, cara bercakap, adat resam dan sebagainya (Ahmad Jalaluddin, Muhammad Arsyad & Norhazlina, 2021).

Secara umumnya, aspek budaya boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, budaya sumber yang turut wujud dalam budaya sasaran. Kedua, budaya sumber yang hanya dimiliki oleh masyarakat sumber dan tidak wujud dalam budaya sasaran atau dikenali juga sebagai budaya spesifik. Budaya sumber yang wujud dalam budaya sasaran pula terbahagi kepada dua, iaitu budaya biasa yang tidak berkait dengan agama Islam dan budaya yang berkait dengan Islam. Budaya spesifik pula terdiri daripada budaya yang telah masyhur atau dikenali dalam masyarakat sasaran dan budaya yang belum dikenali atau masih asing dalam kalangan masyarakat sasaran. Aspek budaya ini agak sukar untuk diterjemah dan dicarikan padanannya dalam bahasa sasaran (Noor Eliza, 2014)

Pembahagian Budaya

Newmark (1988) telah membahagikan kategori budaya kepada lima bahagian. Berikut merupakan kategori budaya oleh Newmark (1988):

1. Budaya Ekologi: Mempunyai kaitan dengan istilah geografi atau bentuk muka bumi serta flora dan fauna.
2. Budaya material: Merujuk kepada bahan artifak atau kebendaan seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya.
3. Budaya sosial: Merupakan perkara yang berkaitan dengan pekerjaan dan kumpulan-kumpulan manusia.
4. Organisasi, adat, kepercayaan, agama dan sistem pentadbiran.
5. Gerak laku dan tabiat.

Pengertian Budaya Sosial

Menurut Norazit (1989: 7), sistem sosial ialah institusi-institusi sosial seperti ekonomi, kekeluargaan, politik dan aktiviti-aktiviti kehidupan yang lain dan nilai-nilai yang mengawal kehidupan manusia. Perbincangan tentang budaya sosial lebih luas berbanding budaya ekologi dan material. Budaya sosial merangkumi aspek penggunaan kata ganti nama, nama panggilan, nama gelaran dan semua yang berkait dengan amalan, adat kebiasaan, aktiviti harian dan sebagainya.

Prosedur Penterjemahan Newmark

Berikut adalah prosedur penterjemahan yang dikemukakan oleh Newmark (1988):

1. Pemindahan (Peminjaman)

Memindahkan perkataan bahasa sumber kepada bahasa sasaran (Vinay & Darbelnet 1995). Perkataan tersebut dikenali sebagai kata pinjaman disebabkan bentuk asal perkataan dikekalkan dalam bahasa sasaran. Noriah (1999) menyebutkan, kata pinjaman atau pinjaman bahasa bermaksud suatu proses pemindahan kata-kata dari bahasa asing ke dalam bahasa peminjam sama ada dikekalkan strukturnya atau dirombak mengikut kesesuaian bahasa sasaran. Dalam konteks penterjemahan Arab-Melayu, strategi peminjaman melibatkan proses transliterasi dan proses asimilasi. Proses transliterasi melibatkan pertukaran huruf atau sistem tulisan bahasa sumber kepada bahasa sasaran (Newmark 1988). Melalui proses asimilasi pula, sesuatu perkataan asing ditukarkan kepada bunyi, ejaan dan sebutan bahasa sasaran. Perkataan yang melalui proses ini dinamakan kata pinjaman penyerapan (Noor Eliza, 2014).

2. Penterjemahan Literal

Penterjemahan literal merupakan suatu teknik terjemahan yang turut dikenali sebagai penterjemahan kata demi kata. Melalui teknik ini penterjemah menterjemahkan unit teks sumber ke dalam teks sasaran tanpa mengubah bentuk luaran khususnya struktur linguistik teks asal (*Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi* 2006: 41). Nord (1997) menjelaskan terjemahan literal merupakan satu bentuk terjemahan yang cuba untuk menterjemah perkataan penutur sehampir mungkin dengan perkataan asal, namun norma-norma bahasa sasaran seperti struktur, gaya bahasa dan tatabahasa turut diambil kira. Terjemahan literal menurut Newmark (1988) merupakan terjemahan yang menukar perkataan bahasa sumber kepada bahasa sasaran dengan mengambil kira faktor padanan yang paling hampir dari sudut tatabahasa dan makna.

3. Padanan Fungsian

Strategi ini dilakukan dengan cara menggunakan istilah atau konsep dalam bahasa sasaran yang hampir sama dengan bahasa sumber. Proses generalisasi dan neutralisasi dilakukan dalam strategi ini untuk mengubah suai unsur-unsur teks asal yang tidak ada dalam bahasa sasaran (Newmark 1988). Dalam kaedah ini juga teks sasaran menggunakan ungkapan atau padanan yang tidak berunsurkan budaya dan lebih bersifat umum (Goh 2008).

4. Padanan Budaya

Perkataan yang mengandungi unsur budaya dalam teks asal diterjemahkan dengan perkataan yang mengandungi unsur budaya sasaran (Newmark 1988). Melalui strategi ini, perkataan yang berunsurkan budaya sumber diberikan padanan yang sesuai dan sejadi dengan konteks budaya sasaran. Padanan dalam bahasa sasaran yang diberikan mempunyai fungsi yang sama dengan fungsi perkataan sumber dalam budayanya, walaupun terdapat perbezaan pada bentuk.

5. Padanan Deskriptif

Strategi ini mencuba menghuraikan makna atau fungsi teks sumber. Dalam strategi ini penterjemah mendatangkan padanan yang berbentuk penerangan sesuatu konsep bahasa sumber yang tidak wujud dalam bahasa sasaran (Goh 2008). Strategi ini digunakan dalam menangani perkataan sumber yang sangat berkait dengan budaya khas bahasa sumber dan penggunaan strategi padanan budaya tidak dapat memberikan tahap makna yang dikehendaki.

6. Modulasi

Kaedah ini adalah kaedah mengubah sudut pandang seperti menukar ayat aktif ke ayat pasif serta mengubah padanan satu lawan satu kepada bentuk frasa atau ayat dengan mengekalkan maksud dan konsep asal. Contoh seperti menterjemah ujaran lisan, simpulan bahasa, bentuk idiomatik dan sebagainya.

8. Nota kaki

Memberikan huraian dibahagian nota kaki.


Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis teks sumber dan teks sasaran bagi mencapai kedua-dua objektif. Sumber data berupa istilah-istilah budaya sosial yang terdapat dalam al-Quran dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu. Teks terjemahan yang digunakan dalam kajian ini ialah Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (2001) yang diterjemahkan oleh Abdullah Basmeih dan Tafsir al-Haramain: Tafsir Ringkas Ayat-Ayat Pilihan (2021). Kemudian, data kajian dianalisis berpandukan prosedur terjemahan yang dikemukakan oleh Newmark (1988). Kajian ini hanya memilih beberapa prosedur yang sesuai digunakan untuk menterjemah unsur budaya sosial dalam Al-Quran Al-Karim.

Analisis Data Kajian

Sebanyak lapan sampel ditemukan sebagai contoh budaya sosial dalam al-Quran. Analisis data adalah sebagaimana berikut:

1. Al-Takwir: 8



Tafsir Pimpinan Al Rahman (TPAR)

Tafsir Al Haramain (TAH)

Dan apabila **anak-anak perempuan yang ditanam hidup-hidup** ditanya

Dan apabila **bayi-bayi perempuan yang ditanam hidup-hidup** ditanya

Dalam ayat di atas, terdapat satu perkataan yang mempunyai ciri budaya Arab iaitu *المؤودة*. Perkataan ini berasal daripada *وأد-يئد-وأدا* yang bermaksud menanam hidup-hidup (Kamus Besar Arab – Melayu Dewan 2006: 2572). Kalimah *مؤودة* merupakan isim maf'ul kepada *وأد* yang bermaksud 'perempuan yang ditanam hidup-hidup'. Sebelum kedatangan Islam, sebahagian masyarakat Arab Jahiliah mengamalkan satu budaya yang kejam iaitu menanam hidup-hidup anak perempuan yang baru dilahirkan. Hal ini demikian kerana mereka memandang hina kepada wanita dan menganggap wanita sebagai alat untuk memuaskan nafsu sahaja. Dalam terjemahan di atas, penterjemah TPAR dan TAH menggunakan strategi penterjemahan literal dan penambahan, iaitu dengan mengambil pengertian yang diberikan dalam kamus dan menambah perkataan bayi bagi menjelaskan konteks ayat.

2. Al-Ahzaab: 4

مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِ ۖ وَمَا جَعَلَ أَزْوَاجَكُمْ الَّتِي تَظَاهِرُونَ مِنْهُنَّ أُمَّهَاتِكُمْ ۚ وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ ۚ ذَٰلِكُمْ قَوْلُكُمْ بِأَفْوَاهِكُمْ ۚ وَاللَّهُ يَقُولُ الْحَقَّ وَهُوَ

Tafsir Pimpinan Al Rahman (TPAR)

Tafsir Al Haramain (TAH)

....dan Dia tidak menjadikan) isteri-isteri yang kamu **'zihhaar'**kan itu sebagai ibu kamu (Zihar ialah satu cara Talak yang dilakukan oleh kaum Arab jahiliyyah.....)

Dan Dia tidak menjadikan isteri-isterimu yang kamu **zihar** itu sebagai ibumu (Zihar ialah perkataan seorang suami kepada isterinya seperti 'Belakangmu haram bagiku seperti belakang ibuku.')

Perkataan تظاهرون menunjukkan unsur budaya sosial masyarakat Arab. Terjemahan yang diberikan oleh kedua-dua penterjemah adalah *zihar*. Seterusnya penterjemah TPAR dan TAH membekalkan perluasan makna sebagai huraian kepada makna *zihar*. Kedua-dua penterjemah menggunakan prosedur peminjaman (*borrowing*) dengan mengekalkan perkataan bahasa Arab dalam terjemahan Melayu. Namun begitu, penterjemah membuat huraian makna dengan meletakkan nota kaki sebagai penjelasan kepada makna unsur budaya tersebut.

3. Surah a-Ahzaab: 5

أَدْعُوهُمْ لِأَبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِن لَّمْ تَعْلَمُوا آبَاءَهُمْ فَاِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ وَمَوْلَاكُمْ ۚ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُم بِهِ ۚ وَلَٰكِن مَّا تَعَمَّدَتْ

Tafsir Pimpinan Al Rahman (TPAR)

Tafsir Al Haramain (TAH)

..jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai **maula-maula** kamu (kalau anak angkat itu tidak diketahui nama bapa, hendaklah mereka disifatkan sebagai saudara seagama mereka

Dan jika kamu tidak mengenali bapa mereka maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara seagamamu dan **anak-anak angkatmu** (Maula-maula ialah hamba sahaya yang sudah dimerdekakan atau seseorang yang telah dijadikan anak angkat).

Dalam ayat di atas unsur budaya Arab dapat dilihat pada perkataan موالى . *Kamus Besar Arab- Melayu Dewan* (2006: 2695) memberikan pengertian perkataan ini sebagai *hamba* atau *pengikut*. Penterjemah TPAR menterjemahkan perkataan tersebut sebagai *maula-maula*. Dalam terjemahan ini strategi peminjaman digunakan oleh penterjemah dengan memindahkan perkataan bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran. Manakala penterjemah TAH pula memberikan padanan *anak angkat* kepada perkataan ini. Di sini penterjemah menggunakan strategi padanan fungsian, iaitu dengan memberikan padanan yang umum dan bebas budaya.

4. Surah Taha: 94

قَالَ يَبْنَؤُم لَا تَأْخُذْ بِلِحْيَتِي وَلَا بِرَأْسِي إِنِّي خَشِيتُ أَنْ تَقُولَ فَرَّقْتَ بَيْنَ بَنِي إِسْرَائِيلَ
وَلَمْ تَرْقُبْ قَوْلِي ﴿٩٤﴾

<i>Tafsir Pimpinan Al Rahman (TPAR)</i>	<i>Tafsir Al Haramain (TAH)</i>
Nabi Harun menjawab : 'Wahai anak ibuku! Janganlah engkau merenggut janggutku dan janganlah menarik (rambut) kepalaku.	Dia (Harun menjawab) 'Wahai putera ibuku! Janganlah engkau pegang janggutku dan juga kepalaku.'

Ayat di atas memaparkan satu unsur budaya Arab iaitu yang berbentuk kata panggilan iaitu *يَبْنَؤُم*. Ini merupakan kata panggilan dalam budaya Arab yang dinamakan *kunyah*. Orang Arab biasanya menggantikan panggilan kepada seseorang dengan menggunakan kata *Ibnu*, *Ummu*, dan *Abu*. Kata panggilan ini digunakan untuk menunjukkan penghormatan atau kemuliaan kepada seseorang.

Kedua-kedua penterjemah menggunakan strategi penterjemahan literal dalam menterjemahkan unsur budaya ini. Penggunaan strategi ini dilihat dapat menyampaikan mesej kerana unsur budaya ini mudah difahami oleh masyarakat dan bangsa lain.

5. Surah al-Furqan: 22

يَوْمَ يَرَوْنَ الْمَلَائِكَةَ لَا بُشْرَىٰ يَوْمَئِذٍ لِلْمُجْرِمِينَ وَيَقُولُونَ حَجْرًا مَّحْجُورًا ﴿٢٢﴾

<i>Tafsir Pimpinan Al Rahman (TPAR)</i>	<i>Tafsir Al Haramain (TAH)</i>
Ingatkanlah) hari mereka melihat malaikat, pada hari itu tiadalah sebarang berita gembira bagi orang-orang yang bersalah (bahkan sebaliknya), dan mereka akan berkata: ' Semoga kita jauh –dijauhkan dari sebarang keadaan yang buruk.)	(Ingatlah) pada hari Ketika mereka melihat para malaikat, pada hari itu tidak ada khabar gembira bagi orang yang berdosa dan mereka berkata " Hijran Mahjura ". (Ini suatu ungkapan yang biasa diucapkan oleh orang Arab Ketika menemui musuh atau bencana yang tidak dapat dielakkan yang bererti 'Semoga Allah menghindarkan bahaya ini daripada saya').

Perkataan *حجر - يحجر - حجر* bermaksud mengharamkan atau melarang melakukan sesuatu ke atasnya (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan 2006: 395). Terjemahan yang diberikan dalam TPAR menunjukkan penterjemah TPAR menggunakan strategi modulasi dalam terjemahan ini. Melalui strategi ini penterjemah tidak memberikan padanan satu lawan satu, tetapi penterjemah memberikan terjemahan dalam bentuk ayat yang mengandungi maksud doa namun masih mengekalkan maksud dan konsep asal perkataan *حجر*. Penterjemah TAH pula menggunakan strategi peminjaman dan nota kaki dengan memindahkan perkataan bahasa sumber tersebut dalam terjemahan. Penjelasan tentang konsep dan maksud perkataan tersebut diberikan di bahagian nota kaki.

6. Surah al-Ma'idah: 90

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْاَنْصَابُ وَالْاَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطٰنِ فَاَجْتَنِبُوْهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ ﴿٩٠﴾

<i>Tafsir Pimpinan Al Rahman (TPAR)</i>	<i>Tafsir Al Haramain (TAH)</i>
Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak dan judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang panah adalah semuanya kotor dan keji.	Wahai orang-orang yang beriman sesungguhnya minuman keras, berjudi pemujaan untuk berhala dan bertilik nasib dengan anak panah adalah perbuatan keji dan termasuk perbuatan syaitan.

Dalam ayat di atas terdapat perkataan yang menunjukkan kepada budaya sosial masyarakat Arab Jahiliah yang suka bertilik nasib iaitu الأزلام . Perkataan ini merupakan kata *jama'* kepada perkataan الزلم. Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006: 1040) memberikan maksud perkataan ini sebagai “anak panah pada zaman jahiliah yang ditulis padanya perkataan suruhan dan larangan, diletakkan dalam bekas. Sesiapa yang mendapat anak panah yang tertulis suruhan maka hasratnya akan tercapai. Manakala siapa yang mendapat anak panah yang tertulis larangan, maka dia akan gagal.:. Kedua-dua penterjemah menggunakan strategi padanan deskriptif dalam menangani unsur budaya ini iaitu dengan menjelaskan aktiviti bertilik nasib tersebut dilakukan dengan menggunakan anak panah. Terjemahan dalam bentuk huraian ini dapat membantu menyampaikan mesej kepada pembaca sasaran.

7. Surah al-Qasas: 12

﴿١٢﴾ وَحَرَمْنَا عَلَيْهِ الْمَرَاضِعَ مِنْ قَبْلُ فَقَالَتْ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ أَهْلِ بَيْتٍ يَكْفُلُوْنَهُ لَكُمْ وَهُمْ لَهُ نَصِيْحَةٌ ﴿١٢﴾

<i>Tafsir Pimpinan Al Rahman (TPAR)</i>	<i>Tafsir Al Haramain (TAH)</i>
Dan Kami jadikan dia dari mulanya enggan menyusui kepada perempuan-perempuan yang hendak menyusukannya.	Kami cegah (Musa) daripada menyusui kepada perempuan-perempuan yang mahu menyusukannya sebelum itu.

Dalam ayat di atas unsur budaya sosial dapat dilihat pada perkataan المراضع. Perkataan ini bermaksud *perempuan yang menyusukan bayi*. Dalam masyarakat Arab, menjadi budaya mereka memberi upah kepada untuk menyusukan bayi mereka. syariat yang telah ditetapkan Islam dan tradisi menyusui anak ternyata telah dipraktikkan bangsa Arab sebelum datangnya Islam. Uniknyanya lagi tradisi menyusui dan adanya ibu sepersusuan telah dikenal sebagai suatu cara yang beradab dalam melindungi anak dari bahaya penyakit. Budaya memberi upah menyusukan bayi ini turut terdapat dalam budaya Melayu, namun amalannya tidak seluas dalam budaya Arab. Penterjemah kedua-dua tafsir ini menggunakan strategi penterjemahan literal dalam menterjemahkan perkataan ini. Terjemahan tersebut dianggap sesuai dan dapat menyampaikan mesej perkataan kerana unsur budaya ini telah dikenali dan turut diamalkan dalam masyarakat sasaran.

8. Surah Yusuf: 94

وَلَمَّا فَصَلَتِ الْعِيرُ قَالَ أَبُوهُمْ إِنِّي لَأَجِدُ رِيحَ يُوسُفَ لَوْلَا أَنْ تُفَنِّدُونِ

Tafsir Pimpinan Al Rahman (TPAR)

Tafsir Al Haramain (TAH)

Dan semasa **kafilah** mereka meninggalkan Mesir (menuju ke tempat bapa mereka di Palestin), berkatalah bapa mereka (kepada kaum kerabatnya yang ada di sisinya: Sesungguhnya aku ada terbau akan bau Yusuf.

Dan Ketika **kafilah** itu telah keluar daripada negeri Mesir), bapa mereka berkata, ‘Sesungguhnya aku mencium bau Yusuf’.

Ayat di atas mengandungi satu lagi unsur budaya Arab pada perkataan **العير**. Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006: 1644) memberikan maksud perkataan ini sebagai barang dagangan. Kedua-dua penterjemah menterjemahkan perkataan ini dengan *kafilah*. Perkataan *kafilah* merupakan perkataan Arab yang telah menjadi kata pinjaman dalam bahasa Melayu. *Kafilah* bermaksud gerombolan atau rombongan orang berserta unta dan barang-barang yang dibawa dalam perjalanan di padang pasir (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan 2006: 1917). Masyarakat Arab biasanya keluar bersama rombongan untuk berdagang. Padanan yang diberikan oleh kedua-dua penterjemah ini dilihat dapat menyampaikan mesej ayat kepada pembaca sasaran. Penggunaan kata pinjaman *kafilah* dapat menangani terjemahan unsur budaya tersebut kerana tidak ada perkataan dalam bahasa Melayu yang sesuai dan dapat memberikan makna dan mesej yang sama seperti perkataan asal.

Dapatan Kajian

Setelah dilakukan analisis berdasarkan prosedur terjemahan Newmark (1988), kajian ini mendapati unsur budaya sosial telah dapat ditangani dengan baik dalam kedua-dua tafsir yang dirujuk. Terjemahan yang dihasilkan dianggap dapat menyampaikan mesej kepada pembaca sasaran. Kajian ini juga mendapati pelbagai strategi telah digunakan oleh penterjemah untuk memindahkan makna unsur budaya sosial yang terdapat dalam al-Quran. Penterjemah menggunakan prosedur terjemahan literal, pemindahan (pinjaman), padanan fungsian, padanan deskriptif, modulasi dan nota kaki dalam menangani unsur budaya sosial. Penterjemah juga turut menggabungkan dua prosedur untuk menterjemahkan unsur budaya.

Kajian ini juga menunjukkan unsur budaya yang membawa makna sesuatu konsep dalam budaya sumber adalah sukar untuk diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran. Sebagai contoh **حجرا محجورا** dan **ظهار**. Unsur budaya seperti ini sebaiknya ditangani dengan strategi meminjaman dan strategi nota kaki atau strategi penterjemahan lain seperti modulasi, padanan fungsian dan padanan deskriptif. Bagi unsur budaya yang mudah difahami dan sudah dikenali dalam masyarakat sasaran pula, penterjemahan literal boleh digunakan.

Kesimpulan

Dalam menangani unsur budaya sosial dalam penterjemahan, penting untuk menyedari bahawa bahasa dan budaya merupakan dua elemen yang tidak dapat dipisahkan. Bahasa menjadi saluran utama bagi ungkapan nilai-nilai budaya dalam tatacara kehidupan. Keakraban diantara keduanya dapat dilihat dengan jelas dalam proses penterjemahan. Penterjemahan al-Quran tidak hanya melibatkan aspek linguistik, tetapi juga merupakan komunikasi lintas budaya. Pemilihan prosedur terjemahan yang sesuai adalah kunci untuk memastikan agar unsur budaya tersebut dapat difahami dengan jelas oleh pembaca sasaran. Dengan memahami dan menghormati hubungan erat antara bahasa dan budaya, penterjemahan al-Quran dapat mencapai objektifnya untuk menyampaikan makna dengan tepat dan merangsang pemahaman yang mendalam.

Penghargaan

Artikel ini merupakan hasil daripada Dana Penyelidikan Universiti (DPU) yang dibiayai oleh Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan (CREIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu (UniSZA/2022/DPU2.0/06).

Rujukan

- Ahmad Jalaluddin Al-Islami Moh Shin, Muhammad Arsyad Abdul Majid & Norhazlina Husin. (2021). Prosedur terjemahan unsur budaya ekologi dalam al-Quran. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 18 (4(SI)), 148-162.
- Arnida A. Bakar, Lubna Abd. Rahman & Sulhah Ramli. (2018). Unsur Budaya dalam al-Quran: Tinjauan dari aspek klasifikasi dan terjemahannya. *Prosiding The 16th International Conference on Translation (ICT-16)*, hlm 1-14.
- Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi*. (2006). Muhammad Fauzi Jumingan. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Berhad
- Goh, Sang Seong. (2008). Strategi penterjemahan aspek-aspek budaya bahasa Mandarin-bahasa Melayu. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11*, hlm 480-497.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. New York London: Prentice Hall.
- Noor Eliza. (2014). Penterjemahan Audiovisual: Kajian SariKata Arab-Melayu. Tesis Phd. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norazit Selat. (1989). *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nord, C. (1997). *Translating as a purposeful activity: Functionalist Approaches Explained*. Manchester: St. Jerome Publishing.
- Noriah Mohamed. (1999). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Tafsir al-Haramain: Tafsir Ringkas Ayat-Ayat Pilihan*. (2021). Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. (2001). Sheikh Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Vinay, J.P. & Darbelnet, J. (1995). *Comparative stylistic of French and English: a methodology for translation*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.